



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

11 Zulkaedah 1443 / 11 Jun 2022

1. Semalam, Jumaat, 10 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 10 Jun 2022, sebanyak **45 dos pertama** dan **211 dos kedua** telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang masing-masing membawa jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada **83.3%** dan **65.5%** bagi dos kedua. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin adalah sebanyak **71.6%**.
  
2. Hari ini, Sabtu, 11 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 11 Jun 2022, sebanyak **392 kes baru** telah dilaporkan iaitu 388 kes hasil ujian ART dan 4 kes adalah hasil dari 191 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **152,712 kes**. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
  - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Manakala **1 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

- ii) Sebanyak **454 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **149,697 kes**.
  - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **2,790 kes** iaitu 16 kes sedang dirawat di hospital manakala 2,774 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
3. Marilah kita berdoa semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat, selamat, sejahtera dan berada di dalam lindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 11 Zulkaedah 1443H / 11 Jun 2022